



GARIS PANDUAN ETIKA PENYELIDIKAN PELAJAR PROGRAM PENGAJIAN SISWAZAH



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

*Diluluskan Mesyuarat Senat Kali Ke-192 Bil.7/2020
bertarikh 11 Ogos 2020*

1. Pengenalan

Penyelidikan merupakan agenda utama Universiti Pendidikan Sultan Idris selaras dengan usaha dan peranannya sebagai sebuah universiti pendidikan terulung di negara dan rantau ini. Penyelidikan di UPSI melibatkan pelbagai kluster merangkumi sains sosial, sains tulen dan gunaan, sastera dan ikhtisas, warisan alam dan budaya, teknologi maklumat dan komunikasi, teknologi dan kejuruteraan dan sains kesihatan dan klinikal.

Sejajar dengan perkembangan penyelidikan di UPSI, Jawatankuasa Etika Penyelidikan UPSI ditubuhkan bagi memastikan dan memantau semua aktiviti penyelidikan melibatkan manusia, haiwan dan biokeselamatan dijalankan dengan memenuhi aspek-aspek penghormatan terhadap privasi, kerahsiaan, kesejahteraan haiwan dan pemuliharaan terhadap kepelbagaian biologi dan alam sekitar.

2. Objektif

Garis Panduan Etika Penyelidikan Bagi Pelajar Program Pengajian Siswazah merupakan dokumen yang diwujudkan bagi memberi rujukan kepada pelajar yang menjalankan penyelidikan melibatkan manusia, haiwan dan biokeselamatan untuk membuat permohonan etika penyelidikan.

3. Pematuhan Kepada Etika Penyelidikan

Kategori pelajar-pelajar pengajian siswazah yang digalakkan untuk mendapatkan kelulusan etika penyelidikan daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan UPSI (JKEPU) adalah seperti berikut:

- i) Pelajar Kedoktoran Mod Penyelidikan dan Mod Penyelidikan & Kerja Kursus.
- ii) Pelajar Sarjana Mod Penyelidikan dan Mod Penyelidikan & Kerja Kursus.
- iii) Pelajar-pelajar selain daripada kategori (i) dan (ii) tertakluk kepada keperluan bagi penyelidikan tersebut.

4. Permohonan Etika Penyelidikan

- 4.1 Pelajar digalakkan membuat permohonan dan mendapatkan kelulusan etika penyelidikan sebelum membuat pembentangan cadangan penyelidikan di peringkat Fakulti.
- 4.2 Borang Permohonan Etika Penyelidikan boleh didapati di laman web RMIC (<http://rmic.upsi.edu.my>).
- 4.3 Borang permohonan perlu dilengkapkan oleh pelajar serta disemak peringkat Fakulti/ Institut/ Pusat dan mendapat perakuan daripada Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi)/ Pengarah/ Timbalan Pengarah sebelum diserahkan kepada pihak RMIC untuk dimajukan kepada Jawatankuasa Etika Penyelidikan UPSI (JKEPU).
- 4.4 Maklumat lanjut berkenaan prosedur permohonan kelulusan etika penyelidikan boleh dirujuk di laman web RMIC (<http://rmic.upsi.edu.my>).

5. Carta Alir Proses Permohonan Kelulusan Etika Penyelidikan UPSI

